

14 JUN 1996

Sanusi-Pemimpin (Bergambar)

SANUSI MAHU PEMIMPIN HENTIKAN TABIAT CUBA JATUHKAN ORANG LAIN

LANGKAWI, 14 Jun (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah, Datuk Seri Sanusi Junid yang akan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Ahad ini berkata perbuatan segelintir pemimpin parti menjatuhkan pemimpin lain perlu dihentikan.

Beliau berkata tabiat buruk itu jika tidak dihentikan hanya akan memakan diri sendiri.

"Saya suka mengingatkan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya menghentikan niat cuba menjatuhkan pemimpin mereka sendiri demi kebaikan semua.

"Kita tidak mahu ada anggota umpamanya Umno di peringkat bahagian cuba menjatuhkan pemimpin bahagian itu sendiri dan kita juga tidak mahu pemimpin bahagian berkenaan cuba pula menjatuhkan pemimpin bahagian lain," katanya semasa berucap kepada orang ramai pada satu majlis meraikan perlantikannya sebagai Menteri Besar Kedah yang baru di Kompleks Sukan Langkawi di Kuah hari ini.

Sanusi berkata jika mereka tidak senang dengan seseorang pemimpin itu, mereka boleh menyuarakan perasaan melalui saluran yang betul.

Bagaimanapun, katanya, setiap anggota harus menerima keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti yang berkaitan.

"Kita sudah memilih Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, presiden Umno dan pengerusi BN, jadi seharusnya kita menghormati keputusan beliau," katanya.

Mengenai perkembangan Umno Bahagian Langkawi yang pernah beliau terajui selama hampir 16 tahun sehingga pemilihan tahun lepas, Sanusi berkata beliau menerima apa yang telah berlaku dengan hati terbuka.

"Bermaaf-maafan adalah yang terbaik tetapi kita tidaklah pula boleh melupakan apa yang telah berlaku kerana ia patut dijadikan peringatan supaya tidak berulang," katanya.

Bekas Menteri Pertanian itu juga berkata tempoh 14 bulan sejak beliau melepaskan jawatan Kabinet Persekutuan telah memberinya peluang untuk melihat kerajaan dari luar.

"Tempoh itu memberi kesempatan kepada saya mendengar penilaian rakyat terhadap kerajaan terutamanya yang berkaitan dengan apa yang telah saya lakukan.

"Ianya satu tempoh yang sunyi tapi bermakna kepada saya," katanya.

Terdahulu, Sanusi disambut oleh kira-kira 500 anggota parti komponen BN Langkawi setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat.

Beliau kemudian diiringi konvoi kira-kira 300 buah motosikal yang kebanyakan penunggangnya memakai kemeja T bertuliskan "Thanks Che Det" (Terima Kasih Che Det) ke kompleks sukan itu.

-- BERNAMA

ZAA AKD